

UMNO pantau kemungkinan Pas pindah pengundi di setiap negeri

UM - 4 SEP 2002

KUALA LUMPUR 3 Sept. — UMNO sedang menjalankan pemantauan terperinci kemungkinan pemindahan pengundi oleh Pas tidak terhad di Kedah sebaliknya meliputi setiap negeri bagi memastikan kemenangan parti itu pada pilihan raya umum ke-11.

Ketua Penerangannya, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob berkata, Majlis Tertinggi (MT) membincangkan secara panjang lebar gejala itu dalam mesyuaratnya baru-baru ini dan percaya Pas cuba menggunakan taktik itu untuk mengalahkan Barisan Nasional (BN).

Tegasnya, badan tertinggi parti itu menekankan jika pemindahan pengundi itu boleh berlaku di Anak Bukit, tiada jaminan gejala itu tidak dipraktikkan di setiap negeri.

Sehubungan itu, katanya, MT telah mengarahkan Pengerusi Jawatankuasa Pendaftaran Pengundi parti Datuk Seri Najib Tun Razak memantau gejala tersebut di setiap kawasan mengundi.

“Datuk Seri Najib sedang membuat penelitian ini dan semua perhubungan negeri kena ambil perhatian perkara ini.

“Kita sudah mengesan pemindahan pengundi di Anak Bukit dan MT menganggap ini satu rancangan untuk mengalahkan BN pada pilihan raya umum akan datang,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas pendudukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Jumaat lalu bahawa kemenangan Pas pada pilihan raya kecil Anak Bukit bulan lalu di-

bantu oleh kewujudan pengundi hantu.

Dr. Mahathir mendakwa Pas memindahkan penyokongnya dari kawasan yang tidak ada harapan menang ke kawasan lain yang menjadi sasaran mereka.

Kehadiran pengundi hantu itu, kata Perdana Menteri, dikesan daripada semakan yang dibuat ke atas senarai daftar pemilih yang digunakan pada pilihan raya kecil DUN Anak Bukit dan Parlimen Pendang di Kedah.

Ekoran dakwaan beliau itu, Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan pemindahan pengundi itu dilakukan oleh sege-lintir kerani sementara yang dilantik SPR.

Tegas beliau, pihaknya tidak menafikan terdapat kerani sementara memindahkan nama pemilih tanpa pengetahuan suruhanjaya itu.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, Jabatan Peguam Negara sedang meneliti bantahan UMNO Kedah berhubung kegiatan Pas memindahkan pengundi di seluruh kawasan Dewan Undangan Negeri Kedah sebelum menetapkan tindakan undang-undang yang boleh dikenakan ke atas pihak terbabit.

Menurut Rais, pihaknya meminta penelitian dibuat oleh jabatan berkenaan selepas menerima dan membaca dokumen bantahan itu Khamis lalu.